



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI:

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI SABAH TAHUN 2018 SIRI 3**

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI
serta PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI SABAH
TAHUN 2019**

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang di-Pertua Negeri bagi negeri itu yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2018

Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada **14 Julai 2020** manakala Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sabah Tahun 2019 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada **5 November 2020**. Kedua-dua LKAN tersebut dibentang setelah diperkenankan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, kedua-dua LKAN tersebut telah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada **18 Disember 2020**.

3. LKAN Pengurusan Aktiviti Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2018 Siri 3 meliputi satu (1) aktiviti jabatan dan dua (2) pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan tersebut antara lain mengandungi perkara seperti berikut:

3.1. Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar di bawah Jabatan Pengairan Dan Saliran Sabah

- (a) Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa penyenggaraan sistem saliran bandar tidak mencapai sepenuhnya objektif penyenggaraan yang disasarkan kerana kejadian banjir masih berulang setiap/selang setahun.
- (b) Mendapan dan timbunan sampah dalam saliran yang tidak dibersihkan berisiko berlakunya banjir. Keadaan ini disebabkan pengurangan peruntukan yang diluluskan berbanding permohonan menyebabkan kekerapan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan dikurangkan daripada sepatutnya.

- (c) Selain itu, kelewatan mempelawa kontraktor baru selepas penamatan tempoh kontrak menyebabkan saliran tidak disenggara secara berjadual. Kelemahan ini boleh memberi kesan signifikan terhadap pencapaian *outcome* penyenggaraan sistem saliran bandar iaitu mencegah banjir di kawasan bandar.

3.2. SEDCO Travel & Tours Sdn. Bhd. di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah

- (a) Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus SEDCO Travel & Tours Sdn. Bhd. (STTSB) adalah kurang memuaskan. Pengurusan aktiviti dari aspek pencapaian output tidak tercapai kerana sasaran pendapatan, keuntungan dan KPI lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat peningkatan penjualan tiket dan pakej umrah pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya.
- (b) Kedudukan kewangan STTSB adalah kurang stabil kerana mengalami kerugian sebelum cukai bagi tiga (3) tahun berturut-turut (2016, 2017 dan 2018) berjumlah RM1.17 juta, RM112,258 dan RM137,075 masing-masing.

3.3. POIC Sabah Sdn. Bhd. di bawah Kementerian Perdagangan Dan Perindustrian Sabah

- (a) Secara keseluruhannya, pengurusan amalan tadbir urus korporat POIC adalah memuaskan.

- (b) Pengurusan aktiviti adalah kurang cekap dari aspek pencapaian output tidak tercapai kerana sasaran pembangunan POIC Lahad Datu secara keseluruhannya hanya mencapai 38.8%.
 - (c) Prestasi *outcome* untuk mewujudkan kawasan industri pemprosesan hiliran kelapa sawit dan kelompok perindustrian yang berkaitan di Fasa 1 dan Fasa 2 telah tercapai manakala pengukuran *outcome* belum dapat dibuat di Fasa 3 kerana tiada industri berkaitan kelapa sawit telah dibangunkan.
 - (d) Selain itu, prestasi penjualan lot tanah mencapai 72.2% bagi Fasa 1, 2 dan 3A manakala prestasi penyewaan lot tanah di fasa yang sama hanya mencapai 23.5%.
 - (e) Kedudukan kewangan POIC adalah kurang stabil kerana mengalami kerugian selepas cukai bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
4. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sabah Tahun 2019 antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2020

4.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama

mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

4.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- (a) Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mencatatkan penurunan sebanyak RM521.59 juta atau 13.8% kepada RM3.253 bilion pada tahun 2019 berbanding RM3.774 bilion pada tahun 2018.
- (b) Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan berjumlah RM214.24 juta, iaitu meningkat sebanyak RM151.66 juta atau 242.3% berbanding lebihan pada tahun 2018 yang berjumlah RM62.58 juta. Pada tahun 2019, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri berjumlah RM4.264 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM105.46 juta atau 2.5% berbanding kutipan hasil pada tahun 2018 yang berjumlah RM4.159 bilion.
- (c) Pada tahun 2019, sejumlah RM974.43 juta perbelanjaan pembangunan diluluskan dan sejumlah RM810.40 juta telah dibelanjakan (83.2%). Daripada 760 jumlah projek yang dirancang, 99 projek atau 13% telah siap dilaksanakan, 445 projek atau 58.6% projek

sedang dilaksanakan dan 216 projek atau 28.4% belum dilaksanakan.

- (d) Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM3.88 juta atau 0.3% daripada RM1.203 bilion pada tahun 2018 kepada RM1.207 bilion pada tahun 2019. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan baki tunggakan pinjaman boleh dituntut kerana terdapat perbezaan baki tunggakan yang dinyatakan pada dokumen sokongan C.3(A), C.3(iv) dan C.3(v) janaan *state loan system* (SLS).
- (e) Jumlah hutang awam menurun sebanyak RM1.050 bilion atau 27.7% menjadi RM2.744 bilion berbanding RM3.794 bilion pada tahun 2018.
- (f) Pada akhir tahun 2019, tunggakan hasil negeri mencatatkan peningkatan sebanyak RM18.84 juta atau 3.7% kepada RM527.64 juta berbanding tunggakan tahun 2018 sejumlah RM508.80 juta.

4.2. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sabah

- 4.2.1. Setakat 31 Ogos 2020, sebanyak 39 daripada 45 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit.

4.2.2. Sebanyak 16 daripada 39 penyata kewangan tahun 2019 telah disahkan. Tiga (3) penyata kewangan Badan Berkanun Negeri (BBN) dan sembilan (9) penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diberi Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran. Satu (1) penyata kewangan BBN dan satu (1) penyata kewangan PBT diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*. Dua (2) penyata kewangan PBT diberi Pendapat Berteguran.

4.3. Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri

4.3.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

4.3.2. Pengauditan pematuhan jabatan negeri yang dilaksanakan melibatkan empat (4) jabatan seperti berikut:

(a) Pengurusan Perolehan di Pejabat Daerah Lahad Datu:

- perolehan kerja bernilai RM39,657.60 telah dipecah kecil bagi mengelakkan sebut harga;
- terdapat kelewatan dalam pembayaran bagi dua (2) perolehan yang dilakukan pada tahun 2017 dan 2019; dan
- tiga (3) perolehan secara sebut harga berjumlah RM90,150 telah dibuat pembayaran penuh walaupun kerja/bekalan belum disempurnakan.

(b) Pengurusan Kutipan Hasil di Jabatan Air Negeri Sabah:

- hasil jualan air dan kompaun bagi tahun 2013 hingga 2019 berjumlah RM135,250.97 tidak dan kurang dikutip; dan
- kutipan sewaan kantin bagi tahun 2006 hingga 2019 berjumlah RM63,550 tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan negeri.

(c) Kutipan Hasil di Jabatan Keretapi Negeri Sabah:

- Hasil sewaan bangunan dan tanah JKNS bagi tahun 2019 sejumlah RM57,290 tidak dikutip oleh JKNS.

(d) Kutipan Hasil dan Deposit di Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah:

- sewa bangunan berjumlah RM1.41 juta bagi tahun 2004 hingga 2017 belum diterima daripada syarikat pengurus bangunan yang dilantik; dan
- deposit sewa bangunan berjumlah RM229,897.80 yang telah diterima oleh syarikat pengurus bangunan yang dilantik tidak diserahkan kepada JKR.

5. Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 11 syor Audit dalam LKAN Pengurusan Aktiviti Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan

Negeri Tahun 2018 Siri 3; dan 23 syor Audit dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Tahun 2019.

6. Kedua-dua Laporan ini akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Undangan Negeri. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 18 Disember 2020 selepas jam 3.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
Malaysia

18 Disember 2020